



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	31/8/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	TNB		

### TNB kibar bendera di semua premis

Kosmo, 31 Ogos 2021.12

**KUALA LUMPUR** – Bagi menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) memasang Jalur Gemilang di semua premis, stesen janakuasa dan jana elektriknya di seluruh negara.

TNB dalam satu kenyataan memberitahu, ibu pejabatnya di Bangsar, Kuala Lumpur turut dipasang dengan dua bendera gergasi mulai 31 Julai lalu.

“Lebih 200 Jalur Gemilang pelbagai saiz turut dipasang di pekarangan Kompleks Ibu Pejabat TNB, termasuk di sekeliling pagar luar, sekitar Kompleks Balai Islam An Nur.

“Bendera-bendera tersebut dipasang atas rasa bangga dan kesyukuran membangun bersama rakyat dan negara,” katanya semalam.

Menurutnya, sambutan kemerdekaan pada 31 Ogos lebih bermakna kerana TNB turut menyambut ulang tahun kewujudannya yang ke-72 iaitu pada 1 September 2021.

“Tema Hari Kebangsaan, Malaysia Prihatin secocok dengan nilai-nilai teras keluarga besar 35,000 warga kerja TNB dengan iltizam dan aspirasi berterusan menerangi kehidupan yang lebih sejahtera,” ujarnya.



DUA bendera gergasi dipasang di pekarangan Kompleks Ibu Pejabat TNB di Bangsar, Kuala Lumpur.